



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL BACA PERDANA 2024**

4 OKTOBER 2024 (JUMAAT)

10.00 PAGI

PUSAT BELI-BELAH MyTOWN, KL

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi tahniah kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) atas penganjuran **Karnival Baca Perdana 2024 yang julung kalinya diadakan**. Kehadiran hadirin sekalian adalah manifestasi sokongan padu terhadap usaha kita untuk membudayakan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia sebagai satu budaya hidup yang murni.

2. Untuk makluman, **jumlah perpustakaan terkini di Malaysia adalah 2,661** berbanding 2,654 pada tahun lalu yang menunjukkan pertambahan sebanyak 7 buah. Pecahan perpustakaan adalah seperti berikut:
 - (i) **Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) : 1 buah**
 - (ii) **Perpustakaan Komuniti PNM : 4 buah**
 - (iii) **Perpustakaan Awam Negeri (PAN): 337 buah**
 - (iv) **Perpustakaan Desa PNM : 506 buah**
 - (v) **Perpustakaan Desa PAN : 579 buah**
 - (vi) **Perpustakaan Khusus : 816**
 - (vii) **Perpustakaan Akademik : 418**

3. **Sepanjang tahun 2023 sehingga Ogos 2024, sebanyak 102,813 program pembudayaan galakan membaca telah dilaksanakan** di seluruh negara melibatkan penyertaan Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Desa, Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dengan **jumlah penyertaan sebanyak 3,748,409 orang.**

4. **PNM telah menyediakan perkhidmatan digital sejak tahun 2011 yang boleh diakses melalui Portal u-Pustaka** secara 24/7 oleh rakyat Malaysia di seluruh negara. Sehingga Mei 2024, sebanyak 903,854 kandungan digital tersedia dalam portal ini, merangkumi e-buku, e-jurnal, e-artikel, e-pembelajaran, e-majalah, dan e-surat khabar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PERPADUAN MELALUI PEMBACAAN

5. Karnival Baca Perdana ini bukan sahaja merupakan satu perayaan ilmu, tetapi juga satu platform yang efektif untuk mendekatkan buku dan ilmu kepada masyarakat. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui PNM telah memilih **"Perpaduan dalam Pembacaan"** sebagai tema bagi Karnival Baca Perdana 2024 yang akan berlangsung selama satu bulan.

6. Ini adalah satu tema yang sangat relevan, terutamanya di dalam masyarakat yang berbilang kaum dan budaya seperti negara kita. Pembacaan adalah alat yang sangat berkuasa. Ia mampu meruntuhkan tembok yang memisahkan kita dan membina jambatan yang menghubungkan hati dan minda.

7. Ilmu yang diperolehi melalui pembacaan akan membantu kita membina sebuah negara yang maju dan inklusif, di mana setiap warganegara berpeluang untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Seperti mana Nelson Mandela berkata, "***Pendidikan adalah senjata yang paling ampuh untuk mengubah dunia.***"

Hadirin yang dihormati sekalian,

KAJIAN PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA

8. Kementerian melalui PNM telah melaksanakan beberapa siri Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia bagi melihat kadar pembacaan dan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui kajian tersebut didapati, rakyat Malaysia membaca sekurang-kurangnya **2 naskhah (tahun 2005), 15 naskhah (tahun 2014) dan terkini adalah 24 naskhah (tahun 2023).**

9. Merujuk kepada **Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023**, didapati bahawa **69.9%** rakyat Malaysia membaca untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. Penemuan ini merupakan indikator positif ke arah pembentukan masyarakat berpengetahuan tinggi, setanding dengan negara-negara maju yang lain.
10. Selain itu, **kajian menunjukkan bahawa sejumlah besar rakyat Malaysia gemar membaca di kedai buku (57.7%) dan di restoran/kafe siber (24.5%)**. Sehubungan dengan itu, saya menggesa agar lebih banyak pusat membeli-belah menyediakan ruang membaca serta memperbanyakkan kedai buku di dalam pusat membeli-belah bagi memenuhi minat dan keperluan pembaca. Sebagai contoh, **BookXcess di Pusat Beli-Belah MyTown ini telah menjadi tarikan utama golongan muda**.

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

PENERBITAN BUKU

11. Pada tahun 2022 hingga 2023 sebanyak **33,366** judul atau **140,448** naskhah buku fizikal telah diterima oleh **Perpustakaan Negara Malaysia** melalui serahan di bawah Akta 331. Selain itu, pada tahun 2023, para penerbit buku telah memohon kepada Perpustakaan Negara Malaysia

sebanyak **27,972 International Standard Book Number (ISBN)** bagi penerbitan buku fizikal di mana ia menunjukkan peningkatan sebanyak **50.06%** atau **9,332** permohonan berbanding tahun **2022**.

12. Dapatan data ini menunjukkan bahawa industri penerbitan negara khususnya penerbitan buku fizikal masih relevan dan mendapat permintaan yang menggalakkan daripada pembaca serta dilihat terus kekal relevan walaupun persekitaran media elektronik sedang menguasai kehidupan pada masa kini.
13. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga sedang meneliti **Dasar Buku Negara (DBN) sedia ada supaya dasar baharu yang ditambah baik dapat dilancarkan pada tahun depan**. Dasar sedia ada sudah diwujudkan sejak 27 November 1985 dan perlu ditambah baik serta diperkasakan mengikut keperluan semasa dan masa hadapan.
14. Saya ingin menyeru kepada **syarikat-syarikat penerbitan buku agar menerbitkan lebih banyak bahan bacaan, memandangkan kajian menunjukkan bahawa 72.0% rakyat Malaysia berminat membeli bahan bacaan dan memperuntukkan sehingga RM500 setahun untuk tujuan tersebut**.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

HALA TUJU PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

15. Sebagai institusi utama yang bertanggungjawab dalam pembangunan ilmu pengetahuan dan pembacaan, Perpustakaan Negara Malaysia komited untuk memastikan setiap lapisan masyarakat memperoleh akses kepada bahan bacaan yang berkualiti dan pelbagai.

16. **Kementerian Perpaduan Negara akan meneliti dan melaksanakan beberapa cadangan yang telah dikemukakan melalui Kajian Profil Membaca 2022/2023.** Antara dua cadangan utama tersebut adalah:

- **Mewujudkan Indeks Membaca Kebangsaan (IMK)** untuk memantau tahap membaca rakyat Malaysia secara menyeluruh mulai 2025-2030;
- **Program Penebusan Baucar Buku** diadakan kembali bagi merancakkan minat serta budaya membaca rakyat Malaysia

17. Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat mengenai kepentingan membaca, saya mengambil kesempatan ingin mengumumkan beberapa inisiatif baharu yang akan dilaksanakan mulai tahun hadapan iaitu:

- I. **Kem Citra Baca iaitu program berbentuk aktiviti sosial**
- II. **memperkenalkan Ikon Pembaca Kebangsaan baharu**
- III. **melantik Tokoh Pembaca Kebangsaan yang pertama**
- IV. **Program Kalam Karyawan (Dokumentari Khas Sasterawan Negara)**

18. Saya memohon agar PNM memanfaatkan **teknologi maklumat terkini, khususnya media sosial bagi memperkukuhkan promosi inisiatif galakan membaca** dalam kalangan rakyat Malaysia melalui platform khusus seperti **BookTok, Bookstagram, dan Booktube.**

PENUTUP

19. Saya berharap agar penganjuran Karnival Baca Perdana 2024 ini menjadi platform yang berkesan untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. **Karnival ini diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pembacaan sebagai alat perpaduan.**

20. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada PNM, rakan kerjasama, para pengunjung dan semua yang terlibat dalam penganjuran Karnival Baca Perdana 2024 ini.

Dengan sukacitanya saya merasmikan **Karnival Baca Perdana 2024.**

Sekian, terima kasih.